

1223/1
Pendidikan Islam
Kertas 1
Nov/Dis
2021
2 $\frac{1}{2}$ jam



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
NEGERI SEMBILAN**

**PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN LIMA
SEKOLAH-SEKOLAH NEGERI SEMBILAN 2021**

PENDIDIKAN ISLAM

Kertas 1

Dua Jam Tiga Puluh Minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi lima soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Semua jawapan hendaklah ditulis di dalam kertas jawapan yang dibekalkan oleh pengawas peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi 6 halaman bercetak.

Jawab semua soalan.

1 (a) Firman Allah SWT :

أَجْعَلْتُمْ سِقَايَةَ الْحَاجِّ وَعِمَارَةَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ كَمَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ
الْآخِرِ وَجَاهِدَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ لَا يَسْتَوُونَ عِنْدَ اللَّهِ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ
الظَّالِمِينَ ﴿١٩﴾ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَهَاجَرُوا وَجَاهَدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِهِمْ
وَأَنْفُسِهِمْ أَكْثَرُ دَرَجَةً عِنْدَ اللَّهِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْفَائِزُونَ ﴿٢٠﴾

(Surah At-Taubah : 19-20)

Ayat di atas menjelaskan kemuliaan orang yang berjihad ke jalan Allah SWT dan memahami keutamaan dalam tindakan.

Berdasarkan ayat di atas,

(i) Nyatakan maksud fiqh aulawiyat.

[2 markah]

(ii) Jelaskan dua kepentingan fiqh aulawiyat terhadap individu.

[4 markah]

Allah SWT mengurniakan akal fikiran kepada manusia untuk membuat pertimbangan dengan wajar sebelum membuat sesuatu keputusan.

(iii) Huraikan hujah anda untuk menyokong pernyataan di atas.

[4 markah]

(b) Sabda Rasulullah SAW :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ
عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : لَأَنْ يَخْتِطِبَ أَحَدُكُمْ حُرْمَةً عَلَى ظَهْرِهِ خَيْرٌ لَهُ
مَنْ أَنْ يَسْأَلَ أَحَدًا فَيُعْطِيَهُ أَوْ يَمْنَعَهُ (رواه البخاري)

Hadis di atas menjelaskan anjuran berdikari dalam kehidupan.

Berdasarkan hadis di atas,

(i) Apakah maksud berdikari?

[2 markah]

(ii) Jelaskan dua hikmah mengamalkan sikap berdikari terhadap masyarakat. [4 markah]

[Lihat halaman sebelah

SULIT

لَوْ أَنزَلْنَا هَذَا الْقُرْآنَ عَلَى جَبَلٍ لَّرَأَيْنَهُ خَشِيعًا مُّتَصِدِّعًا مِّنْ خَشْيَةِ اللَّهِ وَتِلْكَ الْأَمْثَلُ نَضْرِبُهَا لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٦٠﴾

(c) Nyatakan hukum tajwid dan cara bacaan bagi kalimah yang bergaris dalam ayat di atas.

[4 markah]

2 (a) Ar-Raqib dan as-Syahid merupakan antara nama Allah SWT yang wajib diimani oleh setiap umat Islam.

(i) Nyatakan maksud nama Allah SWT ar-Raqib. [2 markah]

(ii) Jelaskan dua bukti Allah SWT bersifat ar-Raqib. [4 markah]

(iii) Terangkan dua akibat tidak beriman dengan nama Allah SWT ar-Raqib. [4 markah]

(b) Setiap muslim hendaklah beramal dengan ajaran Islam secara bersungguh-sungguh supaya tidak berlaku perkara yang boleh membatalkan iman.

(i) Nyatakan dua syarat terbatalnya iman. [2 markah]

(ii) Terangkan dua kesan melakukan perkara yang membatalkan iman. [4 markah]

(iii) Kehidupan yang mengutamakan hal-hal keduniaan mendorong segelintir orang Islam melakukan perkara yang boleh membatalkan iman.

Pada pendapat anda, mengapakah berlakunya perkara di atas? [4 markah]

- 3 (a) Allah SWT mewajibkan manusia mengerjakan ibadah haji dengan mengunjungi Baitullah al-Haram bagi sesiapa yang mampu.
- (i) Apakah maksud haji dari segi istilah? [2 markah]
 - (ii) Nyatakan **dua** syarat wajib haji selain daripada berakal. [2 markah]
 - (iii) Jelaskan ciri berkemampuan khusus bagi perempuan. [2 markah]

Kamal pergi ke Mekah menunaikan haji dengan membuat pinjaman peribadi.

- (iv) Kemukakan hujah anda tentang situasi di atas. [4 markah]
- (b) Solat sunat tasbih merupakan solat sunat khusus yang mengandungi bacaan tasbih.
- (i) Berapakah jumlah tasbih yang dibaca pada keseluruhan solat tersebut? [2 markah]
 - (ii) Terangkan **dua** hikmah solat sunat tasbih. [4 markah]
 - (iii)



Berdasarkan gambar di atas, huraikan hujah anda bagaimanakah program tersebut mampu melahirkan masyarakat yang bertakwa.

[4 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT

- 14 (a) (i) Siapakah pengasas kerajaan Umayyah? [2 markah]

Keruntuhan moral dalam kalangan khalifah kerana cenderung kepada hiburan dan kekejaman.

- (ii) Jelaskan dua sebab kemerosotan kerajaan Umayyah selain daripada faktor di atas. [4 markah]

- (iii) Merujuk pernyataan di atas, bagaimanakah anda dapat mengambil pengajaran supaya kemerdekaan negara Malaysia dapat dikekalkan? [4 markah]

- (b) Sultan Muhammad al-Fatih bin Murad II merupakan salah seorang pemerintah kerajaan Uthmaniah yang terkenal.

- (i) Nyatakan dua sumbangan Sultan Muhammad al-Fatih. [2 markah]

- (ii) Terangkan dua iktibar yang diperolehi daripada pemerintahan baginda. [4 markah]

Ketokohan Salahuddin al-Ayubi berjaya membawa umat Islam mencapai zaman kegemilangan kerajaan Islam.

- (c) (i) Nyatakan dua sifat yang menunjukkan ketinggian akhlak beliau. [2 markah]

- (ii) Jelaskan sumbangan Salahuddin al-Ayubi dalam bidang pentadbiran. [2 markah]

5 (a) Sifat tawaduk merupakan sifat yang terpuji.

(i) Apakah maksud tawaduk?

[2 markah]

(ii) Jelaskan dua sifat tawaduk yang diamalkan oleh Rasulullah SAW.

[4 markah]

Sifat tawaduk punca ilmu berkat

(iii) Huraikan pendapat anda tentang perkara di atas.

[4 markah]

(b) Setiap manusia tidak terlepas daripada diuji oleh Allah SWT dari segi kesihatan dan keupayaan diri.

(i) Jelaskan adab terhadap orang kurang upaya dari aspek fizikal.

[2 markah]

(ii) Terangkan dua hikmah beradab kepada orang kurang upaya.

[4 markah]

(iii)

Kasih! Bekas pesakit Covid-19 hilang kerja sebab majikan tak berilmu, orang sekeliling takut nak dekat – “Bukan sampai mati ada pada tubuh”

Khamis, 11 Mac 2021 12:00 PM
Oleh: SHUHANIZA SAID

Dipetik daripada akhbar MStar Online, 11 Mac 2021

Berdasarkan petikan akhbar di atas, huraikan pendapat anda tentang situasi tersebut.

[4 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT